

Tingkat khidmat pengangkutan

U.M 30 NOV 1993

PELABUHAN KLANG 29 Nov. — Sektor perkhidmatan pengangkutan di negara ini harus mempertingkatkan kecekapan bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan sentiasa kompetitif dan mempunyai kelebihan untuk bersaing mengatasi ancaman perlindungan perdagangan yang diamalkan oleh beberapa kesatuan ekonomi Barat.

Sektor itu juga katanya perlu berkembang mengikut kesesuaian dan permintaan pasaran.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika berkata demikian menegaskan, langkah itu perlu memandangkan perkhidmatan pengangkutan sekarang tidak terkecuali daripada

ancaman beberapa kesatuan ekonomi di negara-negara Barat yang telah menunjukkan sikap perlindungan dan 'melihat ke dalam diri'.

"Oleh itu kita perlu bekerja lebih kuat dan meningkatkan kecekapan kita, di samping mempertahankan apa juga kelebihan perbandingan yang ada pada kita," katanya ketika berucap merasmikan Laman Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad (MISC), di sini, hari ini.

Beliau berkata, sekatan-sekatan perdagangan yang diadakan untuk memanfaatkan sesuatu kumpulan dan menghalang persaingan adalah satu pendekatan yang tidak sihat.

"Mereka yang sering mengungkit soal *level playing field*, membisu apabila mereka memiliki 'kelebihan' seperti saiz dan modal.

"Yang ditumpukan hanyalah kepada apa juga 'kelebihan' yang sedikit yang ada kepada Malaysia, oleh itu kita tidak harus mengharap kepada keadilan," kata Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir seterusnya menegaskan, berdasarkan pencapaian ekonomi negara-negara di Asia Tenggara pada tahun-tahun kebelakangan ini, adalah jelas bahawa rantau ini sedang melangkah untuk menjadi satu rantau ekonomi yang disegani dunia tidak lama lagi.

"Sementara perdagangan

an rantau ini begitu meningkat, keadaan ekonomi di negara-negara Barat masih berada di tahap yang sama, malah ada antara mereka yang kini sedang menghadapi berbagai-bagai masalah termasuk kemelesetan," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, memandangkan dagangan negara-negara di rantau ini semakin meningkat, maka permintaan untuk perkhidmatan pengangkutan dijangka turut bertambah.

"Saya berharap MISC akan terus meningkatkan program pembaharuan dan pembesaran angkatan kapalnya untuk memenuhi permintaan perkhidmatan pengangkutan yang kian meningkat itu," kata Perdana Menteri.

DR. MAHATHIR (dua dari kanan) sedang melihat salah sebuah trak milik Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) selepas merasmikan pembukaan Laman MISC, di Pelabuhan Klang, pagi semalam.

Ini, kata Dr. Mahathir akan membolehkan negara lebih dikenali dari segi penyediaan perkhidmatan kapal laut bagi keperluan di rantau ini.

"Ia juga akan mengurangkan pengaliran wang ke luar negara yang disebarkan pengangkutan *sea*

freight diusahakan oleh syarikat-syarikat asing," katanya.

Perdana Menteri menambah, adalah penting untuk memastikan bahawa ruang muatan perkhidmatan pengangkutan juga berkembang selari dengan perkembangan

sektor eksport barangan perindustrian dan import *capital goods* untuk industri Malaysia.

"Ini bererti ruang muatan perkapalan harus ditambah. Lebih penting daripada itu ialah kecekapan pengurusan kapal dan pelabuhan," katanya.